

Ekonomi mesra pelabur mampu kawal deflasi

➔ **Peniaga** perlu rancang strategi elak pola niaga terjejas

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Penggubalan dasar ekonomi yang mesra perniagaan dan pelabur serta mengambil kira kedudukan kewangan semasa kerajaan adalah penting untuk membendung deflasi daripada berpanjangan, kata ahli ekonomi.

Ia bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi tidak terencat dan kesan deflasi dapat dikawal dengan kerancangan aktiviti ekonomi melalui program rangsangan tertentu, yang meningkatkan permintaan terhadap bar-

ngan serta perkhidmatan.

Permintaan Lemah

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzalizam Abdul Rashid, berkata deflasi yang berlaku pada bulan lalu berkemungkinan bersifat sementara, namun menegaskan ia sememangnya boleh dikaitkan dengan permintaan yang lemah.

"Peniaga perlu merancang strategi perniagaan mereka dengan lebih berhati-hati terutama dari sudut pengurusan kos perniagaan, selain sentiasa dinamik dalam mencorakkan strategi perniagaan yang mengambil kira faktor kitaran ekonomi," katanya.

Ditanya sama ada pemotongan perbelanjaan oleh kerajaan berikutan semakan semula beberapa projek mega mempengaruhi deflasi, beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 4.7 peratus pada 2018 masih lagi dikira stabil memandangkan pertumbuhan

han potensi negara dianggarkan sekitar 4.8 peratus.

"Justeru, pertumbuhan negara tahun lalu dilihat masih lagi seiring dengan kadar pertumbuhan positifnya," katanya.

Ditanya kemungkinan Bank Negara Malaysia (BNM) akan campur

tangan dalam dasar monetari bagi tempoh terdekat ini, Mohd Afzalizam berkata, perkara berkenaan amat bergantung kepada prospek pertumbuhan ekonomi.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS) Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata banyak faktor yang menyumbang kepada deflasi tetapi bagi kes di Malaysia faktor utama ialah kejatuhan harga minyak dunia.

"Peningkatan harga minyak menyebabkan kos pengangkutan mengalami penurunan sebagai 7.8 peratus berbanding tahun lalu.

"Bagi mengurangkan impak itu, pengeluaran atau syarikat perlu memastikan mereka tidak berada di dalam tahap keberhutangan tinggi kerana deflasi boleh menjejaskan pola perniagaan mereka sekali gus mampu memberi kesan terhadap kemampuan mereka untuk membayar hutang," katanya.

Info

Deflasi

➔ **Merujuk** kepada penurunan harga umum barangan dan perkhidmatan yang berterusan di bawah inflasi sifar.

➔ **Dianggap** sebagai satu masalah dalam ekonomi moden kerana potensi kaitannya dengan kemelesetan.